

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَالدِّينِ الْحَقِّ

Kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan iradatnya dapatlah penulis menyiapkan disertasi yang bertajuk **Penguasaan Masdar : Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Di IPTS Perak** sebagai keperluan demi menyiapkan Pengajian Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Kesyukuran buat sekian kalinya kepada Allah Tuhan Sekalian Alam kerana memberikan penulis kesihatan tubuh badan, kemampuan dari segi rohani dan fizikal bagi merealisasikan apa yang telah dirancang oleh penulis sebelum menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia disertasi saya ini al- Fadhil al-Ustaz Dr. Wan Hassan bin Wan Mat di atas tunjuk ajar, kata-kata semangat dan komitmen yang tinggi kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini. Moga Allah memberi keberkatan dan rahmat kepada beliau di atas kerjasama yang diberikan.

Seterusnya sekalung bunga penghargaan buat isteri yang tercinta Norhafiza binti Ismail dan anak-anak iaitu Muhammad Harees El-Ilmi dan Nur Imtinan Hannani yang menjadi pencetus semangat dan memberi pengorbanan yang tidak berbelah bagi dalam

membantu penulis menyempurnakan disertasi ini. Moga Allah mengurniakan keberkatan dan rahmat dalam kehidupan kita sekeluarga.

Penghargaan khas buat kedua-dua Ayahanda dan Bonda yang memberi kata-kata perangsang dan mendoakan kesejahteraan dan kejayaan penulis sekeluarga. Mudah-mudahan Allah memberikan kesihatan kepada kalian dalam mengerjakan ibadah.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Dekan Fakulti Bahasa Dan Linguistik Prof. Dr Zuraidah Mohd Don dan juga para pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM, khususnya Dr Mohd Zaki Abd Rahman, Dr Haji Muhammad Seman, Dr Wan Hassan Wan Mat, Prof Madya Dr Faridah Noor Mohd Nor, Prof. Dr Lohanayahi Baskaran, Dr Jawakhir Mior Jaafar dan Pn Ainun Rozana @ Ainun Mohd Zaid. Segala ilmu pengetahuan yang diberikan akan disemat menjadi amalan sebagai seorang ahli akademik.

Setinggi penghargaan buat Dekan Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Kolej Islam Darul Ridzuan, Ustaz Azmi bin Ahmad yang memberikan peluang dan kerjasama bagi penulis menyiapkan disertasi ini. Moga Allah membalas jasa baik tuan.

Jutaan terima kasih khusus buat pelajar-pelajar Kolej Islam Darul Ridzuan yang telah meluangkan masa untuk membantu penulis bagi membuat kajian terhadap mereka. Doa dan harapan dari penulis semoga usaha kalian dipermudahkan Allah dan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Tidak lupa sekalung penghargaan kepada institusi pendidikan tempat penulis bertugas dan sebagai tempat kajian di jalankan iaitu Kolej Islam Darul Ridzuan beserta staf-staf yang bertugas di atas kerjasama yang diberikan kepada penulis. Mudah-mudahan kajian memberi manfaat kepada institusi tersebut.

Akhir kata tidak lupa kepada saudara-mara, guru-guru, rakan-rakan dan individu-individu yang telah memberi kerjasama samaada secara lansung atau tidak langsung telah memberi idea, buah fikiran, kata-kata semangat dan sokongan moral kepada penulis demi menyelesaikan kajian ini. Moga Allah berkat kalian. Harapan penulis agar penulisan ini memberi manfaat kepada pembaca dan kepada penulis.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا وَلَكُمْ

Sekian. Wassalam.

Mohammad Faizal bin Amat @ Mohd Yusoff.

Kuala Kangsar, Perak.

28 Muharram 1434H.

12 Disember 2012M.